



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)

NEGERI PERAK

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU KERTAS 2

1103/2

MODUL KECEMERLANGAN SPM SET 1

2023

MARKAH PENUH: 100 MARKAH
BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **08** markah

Soalan 2: **06** markah

Soalan 3: **13** markah

Soalan 4: **04** markah

Soalan 5: **04** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata arah** dan **kata sendi nama** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata arah** dan **kata sendi nama** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata arah** dan **kata sendi nama** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Arah

- 1 dalam - jarak (jauhnya) ke bawah atau ke dasar dari permukaan (air, tanah, dsb), jarak (jauhnya) ke tengah dari tepi atau pinggir sesuatu
- 2 tengah-tengah - tempat (titik dll) yang letaknya di antara dua tepi (batas, benda, dll), bahagian di antara hujung dengan pangkal
- 3 sebelah - dekat, samping
- 4 ke - menunjukkan tempat

Kata Sendi Nama

- 1 tentang - berkenaan dengan
- 2 sejak - bermula dari, mulai, dari
- 3 dari - sendi kata yang menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak (bertolak, muncul, jatuh, dll)
- 4 daripada - sendi kata yang menyatakan (menunjukkan) sumber atau punca sesuatu itu diperoleh dsb)
- 5 di - menunjukkan tempat

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis (Ayat Cakap Ajuk dan Cakap Pindah)

"Tadi Lebai Alang terbang, Tuk Ketua," kata Zali.

- 1 **Cakap Pindah:** Zali memberitahu Tuk Ketua bahawa tadi Lebai Alang Terbang.

"Hah, Lebai Alang terbang ke mana?" Tuk Ketua Nasmi terkejut.

- 2 **Cakap Pindah:** Tuk Ketua Nasmi terkejut lalu bertanya arah Lebai Alang terbang.

"Ish... kamu ini Zali, saya ingatkan betul-betul Lebai Alang terbang" kata Tuk Ketua Nasmi lantas tertawa.

- 3 **Cakap Pindah:** Tuk Ketua Nasmi lantas ketawa dengan gurauan Zali sambil menyatakan bahawa beliau menyangka betul-betul Lebai Alang terbang.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

BIL	Salah	Betul
1.	Apa	Apa-apa
2.	Bahasa Melayu	bahasa Melayu
3.	paling sangat penting	paling penting / sangat penting
4.	pepaduan	perpaduan
5.	kedua	kedua-dua
6.	merosakan	merosakkan
7.	Antara ciri-ciri	Antara ciri
8.	menerangkan tentang hal	menerangkan hal
9.	sejak dari	sejak / dari
10.	pra-sekolah	prasekolah
11.	saling hormat-menghormati	saling menghormati / hormat-menghormati
12.	di depan	didepan
13.	Oleh kerana itu	Oleh sebab itu / Oleh itu

[Maksimum : 13 markah]

4. Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard.

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Seterusnya Bendahara pun kembali ke Melaka untuk menghadap Sultan Muzaffar Syah. Kemudian segala kejadian yang berlaku dipersembahkan oleh Bendahara kepada Sultan. Lalu baginda terlalu suka, baginda memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia serta menganugerahkan persalinan kepada semua hulubalang yang terlibat pada kadarnya.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

- (i) Rumah siap pahat berbunyi [2 markah]
(ii) Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya [2 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1

- Jawapan salah	0
-----------------	---

Soalan 6

- (i) maksud rangkai kata *sangat membimbangkan*
- amat / sungguh merisaukan 2
 - sangat merisaukan 1
 - amat/ sungguh membimbangkan 1

- (ii) Langkah-langkah membentuk akhlak pelajar

Bahan 1

P1 ibu bapa memainkan peranan sebagai pendidik di rumah

P2 rakan dan persekitaran juga ibarat pendidik sosialisasi yang seharusnya membentuk adab seseorang

Bahan 2

P3 ibu bapa perlu lebih cakna tentang tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak dengan adab sejak anak-anak kecil.

P4 guru-guru juga perlu mengoptimumkan peranan mereka dalam menyuburkan adab pelajar

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) kesan sikap negatif (kasar dan biadap dalam media sosial)
- P1 dipandang negatif oleh orang lain / tidak dihormati / dibenci orang
 - P2 mencetuskan pergaduhan dengan orang lain
 - P3 mendapat dosa
 - P4 menjejaskan imej negara

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Nota : Calon wajib menyatakan kedua-dua pihak untuk mendapatkan markah penuh

- iv) Langkah-langkah anda membantu rakan

- P1 selalu menasihati rakan
- P2 menunjukkan teladan yang baik dengan sentiasa menuturkan kata-kata yang Sopan
- P3 mengajak rakan bergaul dengan rakan-rakan yang sopan tutur katanya
- P4 memaklumkan ibu bapa rakan agar mereka dapat menasihatinya
- P5 membawa rakan berjumpa dengan kaunser supaya rakan dapat menilai keburukan bercakap kasar dan biadap

[Maksimum : 4 Markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

	Markah
(i) Tindakan yang perlu kita lakukan untuk mengisi kemerdekaan	
P1 Kita perlu mendesak diri sendiri	1
P2 Kita perlu mengikis semua tabiat buruk bangsa kita	1
P3 kita perlu berjuang mengubah dan pandangan sempit bangsa kita	1

[Maksimum : 2 Markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) **Ciri-ciri pemimpin yang baik.**

Bahan 1

- P1** Sentiasa rendah hati dan berlaku jujur
- P2** Seorang yang amanah
- P3** seorang yang bijaksana
- P4** Pemimpin yang sedar akan tanggungjawabnya

Bahan 2

- P8** Bertanggungjawab
- P9** Berkorban masa

Nota : Calon mesti mengambil SATU isi daripada Bahan 1 dan SATU isi daripada Bahan 2

[Maksimum : 3 Markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Kepentingan-kepentingan perpaduan kaum untuk mengekalkan keharmonian masyarakat di negara kita**

- P1** Menjamin keamanan negara
- P2** Pemangkin kemajuan ekonomi
- P3** Menjadi keunikan yang menarik pelancong asing
- P4** Menjaga imej negara
- P5** Membentuk semangat nasionalisme demi mempertahankan negara
- P6** Membantu negara untuk mencapai wawasan dan kemajuan yang lebih baik
- P7** Menjadi contoh kepada masyarakat global untuk mencapai keamanan

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Tindakan yang perlu dilakukan untuk membantu mereka agar berbaik dan bertegur sapa semula**

P1 bertanya / berbincang dengan rakan anda tentang masalahnya

P2 memberikan nasihat

P3 berbincang / meminta bantuan dengan rakan-rakan sekelas

P4 memberitahu kaunselor

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 - Novel

(i) Raiha berasa bersyukur dan terharu kerana

P1 Eda sudah tidak sugul lagi

P2 Eda sudah melupakan segala ejekan dan kata-kata orang tentang wajahnya

P3 Eda sekarang, Eda yang sudah matang

P4 Eda telah mengubah pendirian tentang konsep kecantikan pada dirinya

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Terima mana-mana tiga isi.

8 (ii) Soalan novel : 6 markah

1. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Berikan **1 markah** bagi **setiap peristiwa** yang betul / jelas / tepat.
4. Berikan **1 markah** bagi **setiap sebab** / penjelasan / huraian yang betul / jelas / tepat.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 2 markah.
7. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
9. Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum markah : 6]

- 8 (ii) Dua peristiwa yang menunjukkan sikap tanggungjawab masyarakat dalam sebuah novel

SONGKET BERBENANG EMAS

1. Peristiwa Tauke Lim sanggup membayar harga tapak rumah Embong.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab masyarakat dalam membantu orang lain yang dalam kesusahan.

2. Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang lemas.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab masyarakat untuk menyelamatkan nyawa orang lain.

3. Peristiwa Dahlia menjaga neneknya yang sakit sehingga sembuh.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab masyarakat menjaga ahli keluarga yang sakit sehingga sembuh.

JENDELA MENGHADAP JALAN

1. Peristiwa Lili menziarahi Haziq dan Rafik yang dipukul oleh Seman sehingga cedera parah.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab masyarakat terhadap jiran tetangga.

2. Peristiwa Lili melaporkan keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman kepada kak Mimah.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggung jawab masyarakat untuk melaporkan perbuatan buruk orang lain.

[Terima mana-mana peristiwa yang relevan]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas / peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Bahan 1										16
Fokus 1 (Punca)	4	4	4	3	2					
Fokus 2 (Kesan)	1	1	1	1	1					
Fokus 3 (Langkah)	3	1	2	3	3					
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 2 (Kesan)	2	2	1	1	2					
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah									20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu• Penggunaan kosa kata luas dan tepat• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat baik• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none">• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)

- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ...membincangkan punca/sebab usia remaja berisiko diserang penyakit mental, kesan/impak/ implikasi/akibat tahap kesihatan mental yang kronik dan langkah/cara/usaha mengurangkan angka kenaikan kes penyakit mental. 2
- P2 ... membincangkan punca/sebab usia remaja berisiko diserang penyakit mental dan kesan/ impak/ implikasi/akibat tahap kesihatan mental yang kronik 1
- P3 ... membincangkan punca/sebab usia remaja berisiko diserang penyakit mental dan langkah/cara/usaha mengurangkan angka kenaikan kes penyakit mental. 1

Isi [16 markah]

BAHAN 1

Fokus 1 - punca/sebab usia remaja berisiko diserang penyakit mental

- A1 emosi remaja mudah terdedah dengan pelbagai masalah 2
- A2 desakan sekeliling menjadikan mereka tidak mampu mengawal diri dengan baik 2
- A3 remaja berhadapan dengan konflik keluarga 2
- A4 apabila cinta mereka berhadapan dengan masalah, mereka akan berasa sangat tertekan 2

Fokus 2 - kesan/ impak/ implikasi/akibat tahap kesihatan mental yang kronik

- B1 tahap kesihatan mental yang kronik mampu mendorong seseorang melakukan sesuatu di luar jangkaan 2

Fokus 3 - langkah/cara/usaha mengurangkan angka kenaikan kes penyakit mental.

- C1 sikap mengeji sebegini perlu dibuang 2
- C2 masyarakat perlu membuka mata dan memainkan peranan penting sebagai individu yang bertanggungjawab 2
- C3 tindakan masyarakat mengamalkan sikap mengambil peduli dan bertanya khabar 2

BAHAN 2

Fokus 2 - kesan/ impak/ implikasi/akibat tahap kesihatan mental yang kronik

- D1 Remaja akan hilang minat belajar sekali gus menjejaskan masa hadapan mereka 2
- D2 Mereka juga tidak bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, kesihatan mental remaja perlu diperkasakan agar kehidupan remaja lebih sejahtera. 2
- K2 Kesimpulannya, kesihatan mental remaja perlu diperkasakan 1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT